



## **i-DoubleSecure – Soalan Lazim:**

**1. Apakah i-DoubleSecure? Apakah perlindungan yang ia tawarkan?**

i-DoubleSecure ialah pelan takaful bertempoh. Pelan ini akan membayar jumlah yang dilindungi apabila berlakunya kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (HUMK) orang yang dilindungi, secara semulajadi atau akibat kemalangan, dimana jumlah yang akan dibayar bagi kejadian yang berlaku akibat kemalangan adalah dua kali ganda. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk atau Ilustrasi Pemasaran bagi pengecualian-pengecualian, serta terma dan syarat manfaat kematian dan HUMK yang terperinci.

**2. Siapakah yang sesuai menyertai pelan produk ini?**

Produk ini sesuai bagi individu yang mencari pelan perlindungan yang asas dan ringkas untuk mengekalkan gaya hidup sekeluarga apabila berlaku kematian atau HUMK. Tidak seperti pelan-pelan simpanan dengan pembayaran tunai atau manfaat matang, i-DoubleSecure menawarkan perlindungan yang lebih tinggi dengan kadar sumbangan yang berpatutan.

**3. Siapakah yang layak menyertai pelan ini?**

Warganegara Malaysia yang berumur diantara 18 dan 55 tahun (umur pada hari lahir berikutnya) layak untuk menyertai, tertakluk kepada memenuhi kriteria tahap kesihatan minimum kami.

**4. Bolehkah warga asing menyertai pelan ini?**

Hanya warganegara Malaysia dibenarkan untuk menyertai pelan ini.

**5. Berapakah jumlah perlindungan yang ditawarkan dan berapa lama tempoh perlindungan pelan ini?**

Terdapat 3 pilihan jumlah yang dilindungi: RM50,000, RM100,000, atau RM200,000, bergantung kepada keperluan individu, dengan pilihan tempoh perlindungan selama 10, 15, atau 20 tahun.

**6. Bolehkah saya memiliki lebih daripada satu sijil?**

Ya, anda boleh memiliki lebih daripada satu sijil. Walau bagaimanapun, jumlah yang dilindungi bagi kesemua sijil anda dibawah produk ini mestilah tidak melebihi had yang dibenarkan oleh kami.

**7. Bolehkan saya menambah atau mengurangkan jumlah yang dilindungi bagi sijil saya?**

Mengubah jumlah yang dilindungi adalah tidak dibenarkan selepas sijil bermula. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon untuk sijil tambahan bagi menikmati jumlah yang dilindungi yang lebih tinggi, tertakluk kepada had bagi jumlah yang dilindungi yang dibenarkan oleh kami serta terma dan syarat lain yang diguna pakai.



**8. Adakah pemeriksaan perubatan diperlukan?**

Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan. Permohonan anda akan diterima atau ditolak berdasarkan keperluan yang telah ditentukan oleh kami.

**9. Bagaimanakah jumlah sumbangan ditentukan?**

Anda akan dicaj jumlah tertentu bagi setiap RM1,000 jumlah yang dilindungi tertakluk kepada umur anda dan tempoh sijil yang dipilih semasa permohonan. Jumlah sumbangan akan kekal sama sepanjang tempoh sijil.

**10. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?**

Fi Wakalah akan dibayar kepada kami bagi tujuan menanggung perbelanjaan pengendalian dan pengurusan pelan ini. Fi Wakalah adalah penolakan sebanyak RM60 pada setiap tahun bagi setiap sijil daripada sumbangan dan 25% atas jumlah sumbangan yang diterima pada tahun pertama sijil dan 6% pada tahun berikutnya.

**11. Adakah saya layak menerima lebih penderaitan?**

Kami akan menentukan lebih atau defisit penderaitan secara tahunan. 50% daripada lebih akan dibayar kepada kami untuk mengendali dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP) manakala 50% lagi akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan manfaat takaful dalam tahun kewangan tersebut.

Perkongsi lebih yang diagihkan kepada peserta adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan dana berasingan akan dikongsi di kalangan peserta-peserta, di mana sijilnya masih berkuat kuasa, dan baki 15% akan dibayar kepada Kami berasaskan kontrak Mudarabah. Jumlah terkumpul dana berasingan tersebut akan dibayar bersama dengan manfaat, pada tarikh tamat tempoh sijil, atau jika diminta oleh peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.

Jika jumlah yang perlu dibayar kepada pihak menuntut kurang daripada RM10, amaun tersebut akan didermakan kepada dana kebajikan bagi pihak peserta, dan digunakan sebagai Amal Jariah.

**12. Bagaimanakah cara untuk membayar dan apakah frekuensi pembayaran sumbangan bagi sijil ini?**

Anda boleh membayar sumbangan melalui kad kredit. Anda juga boleh memilih untuk membayar sumbangan secara bulanan atau tahunan.

**13. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya berhenti membayar sumbangan?**

Terdapat tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan tersebut. Anda masih dilindungi di dalam tempoh



tanggung. Sekiranya sumbangan tidak dibayar di dalam tempoh tanggung, sijil anda akan luput dan anda tidak akan berhak ke atas manfaat sekiranya kejadian yang dilindungi (kematian atau HUMK) berlaku.

**14. Bagaimanakah saya boleh menyertai pelan ini? Bolehkah saya mendapatkannya melalui ejen?**

Anda boleh menyertai pelan ini melalui laman web kami. Ini adalah produk di atas talian dan tidak diedarkan oleh ejen kami, tiada komisen dikenakan bagi pelan ini.

**15. Bagaimanakah saya akan mendapatkan pengesahan bagi permohonan saya? Bilakah pelan perlindungan ini akan bermula?**

Pengesahan bagi permohonan anda adalah serta merta melalui laman web. Perlindungan akan bermula pada hari permohonan diterima beserta pembayaran, dengan dokumen sijil dan resit pembayaran dihantar melalui e-mel kepada anda.

**16. Bolehkah saya membatalkan atau menyerahkan sijil?**

Anda boleh membatalkan sijil dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas sijil diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan yang diterima kepada anda. Walau bagaimanapun, jika anda menyerahkan (membatalkan sijil selepas 15 hari) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil, anda tidak akan menerima sebarang bayaran balik.

Jika anda menyerahkan sijil selepas tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan, anda berhak mendapat nilai serahan dari DRP dan lebihan yang terkumpul (jika ada).

**17. Siapakah yang akan menerima manfaat sijil sekiranya saya kehilangan upaya secara kekal dan menyeluruh (HUMK) atau meninggal dunia di dalam tempoh perlindungan?**

Anda boleh menamakan seorang individu atau lebih untuk menerima manfaat sijil di atas kematian anda, semasa permohonan dibuat, atau dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis selepas sijil dikeluarkan. Penama boleh menjadi wasi atau benefisiari dibawah hibah bersyarat.

Walaupun bagaimanapun, manfaat sijil akan dibayar kepada anda sekiranya berlaku HUMK.

**18. Bagaimanakah untuk memfailkan tuntutan sekiranya kejadian yang dilindungi berlaku (kematian atau HUMK)?**

Kami boleh dihubungi melalui e-mel di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my) atau hubungi Etiqa Online di talian 1-300-13-8888.



**19. Apakah yang akan saya terima di akhir tempoh sijil jika tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh sijil?**

Ini adalah pelan takaful bertempoh yang tidak mempunyai manfaat matang. Walau bagaimanapun, lebihan agihan yang terkumpul, jika ada, akan dibayar kepada anda pada akhir tempoh sijil.

**20. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya kehilangan atau tidak menerima dokumen sijil? Atau jika saya perlu mengemaskini maklumat peribadi dan butiran perhubungan?**

Anda boleh e-mel kepada kami di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my) atau hubungi Etiqa Online di talian 1-300-13-8888.

**21. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya membuat salah nyataan atau tidak mendedahkan mana-mana maklumat yang diperlukan?**

Salah nyataan atau tidak mendedahkan maklumat material akan menyebabkan pembatalan sijil atau tuntutan tidak dibayar. Untuk membantu kami membuat keputusan yang tepat dalam menerima permohonan anda, anda dikehendaki menyatakan dengan sepenuhnya semua maklumat yang relevan, termasuk keadaan perubatan dan umur dengan betul.

**22. Bagaimanakah saya boleh menukar kad kredit/debit yang digunakan bagi penolakan sumbangan?**

Anda boleh datang ke mana-mana cawangan kami dan isi borang Permohonan Pertukaran, dan borang Pembayaran Premium melalui Visa/Master Card.

**23. Adakah sumbangan yang dibayar tertakluk kepada GST?**

Tidak.

**24. Adakah saya layak menikmati pelepasan cukai ke atas sumbangan yang dibayar?**

Anda boleh menggunakan sumbangan takaful keluarga yang dibayar bagi pelepasan cukai, seperti yang ditetapkan di dalam peraturan cukai Malaysia semasa dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**25. Bagaimana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

Anda boleh e-mel kepada kami di [info@etiqa.com.my](mailto:info@etiqa.com.my) , hubungi Etiqa Online di talian 1-300-13-8888, atau layari laman web kami di [www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my) untuk maklumat lanjut. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.